

ANWAR IBRAHIM PM10

A leader is a dealer in hope
- Napoleon Bonaparte -

MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM A. BADARUDDIN




Lib
RM35.00



ANWAR IBRAHIM P M 10



PUSTAKA PERDANA



1013272



casamas

Casamas Resources

No 47 Jalan 6/4 Bandar Seri Putra 43000 Kajang Selangor

No Tel : 019-3905029

Email: qayum_68@yahoo.com

Laman Web: casamasresources.my

FB: mejar qayyum

ANWAR IBRAHIM PM10

ditulis oleh Mejar Qayyum A. Badaruddin

Cetakan Pertama, 2023

ANWAR IBRAHIM- PM10 /MEJAR (B) MOHAMMAD QAYYUM BIN
A. BADARUDDIN

ISBN 978-967-2446-47-7

Gambar: Albayan.ac

<https://www.albayan.ac/one-world/overseas/2018-10-13-1.3381772>

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis buku ini.

Akaun untuk tempahan:

MAYBANK: 562263584982

CASAMAS RESOURCES

CIMB: 14110003046202 (simpanan)

Dicetak oleh:

FIRDAUS PRESS SDN BHD

26-28, Jalan PBS 14/4,

Taman Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan, Selangor

Kandungan

Pengenalan	1
Manifesto PH 2022: Tawaran Pakatan Harapan untuk PRU15	7
Falsafah Penubuhan Yayasan Anda	15
Latar Belakang Anwar Ibrahim	21
Angkatan Belia Islam Malaysia	25
Krisis Kewangan, Kejatuhan Kuasa dan Sabitan Kes Anwar 1998	31
Tahun-Tahun Penuh debaran (1999-2007)	41
Gelombang Sejarah Hampir Terlakar pada PRU ke-13	55
Parti Derita yang Penuh Sejarah	89
Budaya Bahaya Malas Berfikir	99
Bahaya Sikitol	103
Anwar, Keajaiban Kelapan Tambun	113
Karisma dan Pengaruh Anwar	125
Dari Penjara ke Putrajaya	139

Dunia Ucap Tahniah	157
Wibawa Seorang Pemimpin	161
Rasuah dan Keruntuhan Harga Diri dan Negara	171
Pemimpin Malar Hijau	179
Menyediakan Persekitaran yang Baik	207
Anwar Bukan Seorang Banduan	213
Mujahadah 24	225
Pengiktirafan Penulis	233
Bibliografi	235



Pengenalan

**Kalau Takut Pada
Cabaran, Jangan
Bicara Tentang
Perjuangan.**

-Dato Seri Anwar

Setelah 24 tahun tersingkir oleh tangan-tangan jahat, maka pada 24 Nov sejarah termetri dengan perlantikan pm 10 yang bakal menghurai kebuntuan politik negara. Anwar sendiri adalah satu institusi yang mempunyai watak national mampu membawa semua kelompok masyarakat yang dahagakan satu kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Karisma beliau mampu merakyatkan kepimpinan. kebijaksanaan beliau membina kesepakatan sehingga mencapai lebih 2/3.

Sosok pemimpin ini cukup kontroversi. dipalit dengan pelbagai tuduhan sebelum ini oleh kerajaan yang lepas. berbagai cara dan strategi dirangka untuk menghalang

kemaraan beliau dalam pentas politik di Malaysia sejak September 1998 selepas dipecat timbalan perdana menteri. Bukan sedikit usaha untuk membunuh beliau dan kariernya melalui proses undang-undang dan serangan serta tuduhan yang tidak berasas.

Namun kekentalan jiwa dan kesungguhan beliau untuk menyelamatkan negara dari ketirisan kuasa, penyelewengan hasil mahsul serta rasuah telah menemui jalan penyelesaian apabila beliau diberi mandat untuk menduduki posisi nombor satu negara dan memperbaiki segala kepincangan seterusnya memicu negara yang gemilang serta dihormati.

Pengampunan tanpa syarat tokoh reformasi ini telah menimbulkan satu fenomena yang tidak pernah di jangka. Bak kata jeneral Sudirman *"jika ingin menang, kena kuat. Jika ingin kuat, kena bersatu. jika ingin bersatu...suburkan silaturahim.*

maka antara faktor utama kemenangan pakatan harapan dalam PRU 15 adalah kerana mereka bekerja berjemaah serta berganding bahu. Kemenangan ini telah memberi harapan ke arah pengampunan mutlak (tanpa) syarat ke atas Anwar Ibrahim. Inilah kemenangan yang sungguh gemilang dalam sejarah politik Malaysia.

Kerajaan perpaduan yang merangkumi parti dari ideologi berbeza yang berfungsi sebagai entiti yang melaksanakan peranan sebagai semak dan imbang. Anwar Ibrahim menekankan bahawa pemimpin dan masyarakat haruslah memiliki ilmu dan pengetahuan yang tinggi dan berupaya mempraktikkan ilmu yang baik itu dalam kehidupan. Menurutnya, suatu bangsa itu telah dapat mempengaruhi negara dan bangsa lain yang lebih besar dan kuat kerana pengaruh dan kekuatan ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Beliau berpendapat "ilmu

pengetahuan itu harus memberi makna kepada diri manusia dan kemanusiaan.

Pengampunan tanpa syarat tokoh reformasi ini telah menimbulkan satu fenomena yang tidak pernah di jangka. Dari penjara ke istana telah menyaksikan kuasa rakyat yang telah membuktikan "*kebenaran mengatasi kebatilan*".

"Dari Mati Bersimpoh Kita Relu Gugur Merempuh."

Ketokohan Anwar Ibrahim

Pemikiran politik Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap gelombang kebangkitan Asia telah menjadi sumbangan terbesar dalam perubahan di rantau Asia tenggara khususnya di negaranya iaitu Malaysia. Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak asing lagi dalam aspek politik dan reformasi, khususnya di Malaysia.

Pemikiran politiknya selalu bertentangan dengan mantan Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad. Perbezaan sikap dan pandangan politik, menyebabkan beliau dipecat dari jawatan timbalan Perdana Menteri ketika itu. Namun di balik itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap dan terus berjuang memperjuangkan pemikiran politiknya iaitu gelombang kebangkitan Asia (*The Asian Renaissance*).

Gelombang kebangkitan Asia yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim tersebut telah banyak diulas dan menjadi pemikiran semenjak tahun 1996 hingga kini dan masih sangat relevan dengan perkembangan pemikiran politik dan reformasi.

Pemikiran Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap perubahan dan reformasi di Malaysia lebih mengutamakan nilai-nilai Islam dan sifatnya universal. Dalam usaha menangani perubahan tersebut, pemimpin perlu mempunyai kebijaksanaan dalam menyesuaikan diri dengan tuntutan lingkungannya. Bagaimanapun perubahan tersebut harus berlandaskan kepada nilai-nilai universal yang mutlak yang diakui oleh Islam dan agama lain secara baik dan mampu memberi kesejahteraan kepada umat manusia.

Demikian ulasan singkat dari pemikiran Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam buku gelombang kebangkitan Asia tersebut. Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan sosok yang keras dalam mempertahankan idea-idea dan gagasan-gagasan yang penuh "kontroversial" dalam setiap tindakannya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim selalu menunjukkan kepiawaiannya dalam kancah politik. Namun, kepiawaian politik Datuk Seri Anwar Ibrahim terhenti sejak tuduhan sodomi dan rasuah yang sangat dahsyat. Tahun 1999 merupakan tahun yang paling malang bagi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuduhan bertali arus untuk membunuh korektor dan karier politik Anwar oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Mahathir Mohamad di mana Datuk Seri Anwar Ibrahim secara moral di tuduh tidak layak untuk menggantikannya. Berbagai cara dan kaedah dicipta untuk mewujudkan bukti dan membina persepsi rakyat agar percaya bahawa dengan tuduhan tersebut. Karier politik Anwar terbantut dengan pemenjaraan dan penyingkiran selama 24 tahun.

Namun pengampunan penuh terhadap Anwar Ibrahim telah membuktikan bahawa pemenjarannya tidak sah dan beliau tidak seharusnya disabitkan dengan segala tuduhan tersebut.

“Pembebasan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah permulaan kepada langkah transformasi lebih besar dan membawa manfaat kepada negara”, kata Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim). Ia satu coretan sejarah amat bermakna untuk rakyat Malaysia.

“Setinggi-tinggi penghargaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad atas perkenan membebaskan Anwar Ibrahim daripada tahanan. Juga ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengusahakan pembebasan ini yang dapat membantu kepimpinan beliau membawa Malaysia ke arah lebih cemerlang dan kembali disegani.

Dalam kenyataan dikeluarkan Istana Negara hari ini, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz berkata, rayuan pengampunan penuh Anwar telah dibentang dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya kali ke-51.

Menurut kenyataan itu, Yang di-Pertuan Agong berkenan pengampunan penuh diberikan dan pembebasan serta-merta kepada Anwar setelah dinasihatkan oleh lembaga pengampunan tersebut selaras dengan Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

“

"Waspadalah terhadap orang yang menikammu dan kemudian memberitahu dunia bahwa mereka berdarah."

”



01

Manifesto PH 2022: Tawaran Pakatan Harapan untuk PRU15

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Dalam tempoh ini, setiap parti yang bertanding akan membentangkan manifesto dan tawaran yang terbaik untuk rakyat. Ini bagi membuka peluang kepada rakyat untuk menilai calon yang terbaik

untuk mewakili mereka dan memastikan agar dapat memilih yang terbaik dalam menerajui negara. Melihat kepada suasana tersebut, Bayan Linnas memfokuskan berkenaan 'Manifesto dan Janji Pilihan Raya'.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, manifesto bermaksud pengisytiharan kepada orang ramai tentang dasar (tujuan, dan lain-lain) sesuatu parti politik sebelum Pilihan Raya dan lain-lain lagi.

Menurut definisi yang diberikan oleh Oxford Dictionaries pula, manifesto bermaksud: "A public declaration of policy and aims, especially one issued before an election by a political party or candidate."

Maksudnya: “Deklarasi awam berkaitan polisi dan tujuan yang dilakukan khususnya sebelum tempoh Pilihan Raya oleh parti politik atau pun individu.”

Ciri-Ciri Manifesto yang Baik

Manifesto boleh dianggap sebagai alatan pemasaran atau *marketing tool*. Dengan alatan tersebut parti-parti politik boleh mempengaruhi persepsi dan minda rakyat. Tentu sahaja manifesto tidak boleh menukar dari persepsi negatif kepada persepsi positif, akan tetapi sekurang-kurangnya manifesto boleh mengukuhkan jenama positif.

Kecenderungan untuk mengemukakan manifesto yang bersifat populis tanpa melihat kemampuan dan keterbatasan sumber yang ada akan membuatkan rakyat tertipu. Ciri-ciri manifesto yang baik sekurang-kurangnya perlu ada lima elemen yang penting:

1. Ia sepatutnya menjelaskan kerangka ideologi parti atau *ideological framework*.
2. Manifesto itu hendaklah mempunyai mesej teras. Ini penting kerana mesej teras ini menjadi rujukan apabila timbul isu baharu yang mungkin tidak dapat dimasukkan dalam manifesto.
3. Rekod pencapaian sebelum ini atau kad laporan. Ini penting bagi membolehkan pengundi menilai kemampuan sesebuah parti melaksanakan apa yang dijanjikan.
4. Bataskan skop kepada perkara-perkara penting dan bermakna kepada rakyat.
5. Gunakan bahasa yang bolch difahami oleh rakyat.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.”

(Surah al-Maidah: 1)

Kata Sheikh Dr Wahbah al-Zuhaili: “Janji adalah satu sifat yang terpuji. Menyalahi janji adalah satu sifat khianat dan nifaq. Meleraikan perjanjian yang telah dibuat merupakan sikap yang boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan. Maka, secara syarak, wajib untuk menepati janji. Sesiapa yang menyalahi dan tidak menepati janji yang telah dilakukan, sebenarnya dia telah melakukan maksiat dan dosa.” (Rujuk al-Tafsir al-Munir, 15/73)

Firman Allah SWT lagi di dalam surah yang lain:

Maksudnya: “dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.” (Surah al-Isra’: 34) Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman: Maksudnya: “Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.”

(Surah al-Mukminun: 8)

Sheikh Tahir Ibn ‘Asyur sekali lagi menjelaskan maksud daripada ayat ini. Beliau menyebut: “Ini adalah dua sifat yang mulia bagi seorang mukmin. Ianya terpecah kepada dua sifat. Sifat menunaikan amanah yang telah diberikan dan juga sifat menepati janji.”

Sayyid Qutb pula berkata: “Kehidupan sebuah masyarakat tidak akan betul melainkan segala amanat yang ada padanya ditunaikan dengan sempurna dan segala perjanjiannya dipelihara dan dikotakan.” (Rujuk Tafsir fi Zilal al-Quran, 11/255)

Melalui ayat-ayat yang telah disebutkan, maka dapat kita lihat dan amati bahawa sifat menepati janji tidak boleh dipisahkan dari jati diri orang yang beriman. Maksudnya: “Tiada iman (kurang iman) bagi yang tiada sifat amanah. Tiada agama (kurang agama) bagi yang tidak menepati janji.” Riwayat al-Baihaqi (4354) di dalam Syu’ab al-Iman

Daripada Ubadah Bin Somit. Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Beri jaminan kepada aku dengan enam perkara maka aku jamin kalian dengan syurga.(Enam perkara itu ialah) bercakaplah benar jika kalian berbicara, tepati lah jika berjanji, jalankan dengan sebaiknya jika diberi amanah, jagalah kemaluan kalian (dari melakukan perkara yang haram), tundukkan lah pandangan kalian (dari melihat perkara yang haram) dan janganlah kalian menyakiti (orang lain).”

Daripada Ibnu Abbas, beliau mengkhabarkan bahawa Abu Sufian pernah menceritakan bahawa ketika beliau masih belum lagi memeluk Islam, pemerintah Rom iaitu Hercules telah bertanya kepada beliau perihal Nabi Muhammad SAW:

Maksudnya: “Apakah yang Nabi itu perintahkan kepada kalian. Abu Sufian menjawab: Nabi itu memerintahkan kepada kami agar menyembahkan Allah Yang Satu dan tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu. Dia juga memerintahkan kami untuk bersolat, bersedekah, tidak melakukan perkara yang haram, menepati janji dan melaksanakan amanah yang telah diberikan.” Riwayat al-Bukhari (2941)

Kesemua hadis-hadis yang telah disebutkan menjelaskan tentang sifat menepati janji yang tidak boleh dipisahkan dari diri setiap orang mukmin. Sedia maklum bahawa hadis Nabi SAW menjadi panduan dan suluhan kepada umat.

Menepati janji adalah satu perbuatan yang wajib ditunaikan semampu mungkin. Jangan sesekali meninggalkannya dan diabaikannya. Ini kerana, jika diabaikan janji yang telah diucapkan, ia serba sedikit akan mencalarakan imej seseorang sebagai seorang Muslim. Apatah lagi kredibilitinya akan dipertikaikan dan menyebabkan orang tidak lagi percaya kepadanya.

Alangkah baiknya jika janji yang diucapkan disertakan dengan ucapan Insha Allah yang mana maksudnya adalah 'jika Allah kehendaki'. Ianya bukan ucapan semata-mata ucapan, bahkan ia adalah satu tanda ubudiyah dan penyerahan urusan kepada Allah SWT. Kerana Allah lah yang menentukan segalanya. Manusia tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Ucapan ini adalah satu perintah dari Allah swt agar menyerahkan segala urusan kepada-Nya.

Firman Allah SWT :

Maksudnya: "Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, kemudian nanti. Melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata): "Insya Allah". Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa" Surah al-Kahfi :23-24

Manifesto yang dikemukakan adalah manifestasi dari kehendak dan keperluan rakyat yang mana ianya perlulah bersifat teras, mementingkan kehendak dan masalah rakyat serta ada kebarangkalian dan kemampuan untuk dilaksanakan sebaik mungkin.

Tawaran Pakatan Harapan Pru15 dalam Manifesto PH 2022

Pakatan Harapan (PH) memberi 10 tawaran utama Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) bagi memulihkan Malaysia dan membina ekonomi masa depan. Tawaran itu juga bermatlamat menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh melalui pertumbuhan ekonomi, memulihkan keyakinan umum menerusi pentadbiran beramanah serta menyediakan negara untuk mendepani pelbagai cabaran masa depan.

HARAPAN berazam untuk membina semula Malaysia setelah dibelenggu pelbagai krisis termasuk kemelut kesihatan, pekerjaan, makanan, dan pendidikan. Selama lebih 30 bulan pentadbiran kerajaan terdahulu, kepincangan dasar dan kepimpinan mereka telah membebankan rakyat, mengabaikan cabaran generasi

yang tercicir (*lost generation*) sementara kesenjangan masyarakat, dan krisis iklim kian meruncing.

Visi **HARAPAN** adalah untuk membangunkan Malaysia yang lebih mampan, sejahtera, berdaya cipta, berteraskan nilai hormat dan ihsan (**MADANI**). Tawaran **HARAPAN** menggariskan tekad PH dalam menggembleng tenaga sesama penggerak perubahan demi melakar masa depan yang lebih cerah untuk semua rakyat Malaysia bagi mencapai tiga matlamat berikut:

Kita Boleh Menjamin Kesejahteraan Rakyat

Menjana pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan demi kesejahteraan yang holistik buat rakyat.

Kita Boleh Mewujudkan Pentadbiran Beramanah

Memulihkan keyakinan dan mewujudkan kepercayaan yang menyeluruh antara rakyat dengan kerajaan.

Kita Boleh Mempersiapkan Negara untuk Masa Hadapan

Memperkasa rakyat untuk menghadapi cabaran perubahan iklim, perpaduan kaum, reformasi pendidikan serta kerancakan daya cipta

10 Keutamaan Tawaran Harapan Pru15 yang Diumumkan Oleh PH:

- Tangani isu kos sara hidup
- Perangi Rasuah dan Kukuhkan Institusi Demokrasi
- Perkasa Peluang Ekonomi Belia dengan Terokai Sektor Manusiawi
- Selamatkan generasi tercacir dalam pendidikan
- Bina ketahanan bencana dan mantapkan perlindungan
- Tangani isu doktor kontrak
- Hapuskan isu ketidaksamaan gender dan memperkasa sosioekonomi wanita
- Perkasa wilayah Sabah dan Sarawak
- Tingkatkan daya saing setiap rakyat Malaysia
- Pelihara khazanah alam demi anak cucu kita

ANWAR IBRAHIM PM10



KALAU TAKUT PADA CABARAN, JANGAN BICARA TENTANG PERJUANGAN

- DATO SERI ANWAR -

SETELAH 24 TAHUN TERSINGKIR OLEH TANGAN-TANGAN JAHAT, MAKA PADA 24 NOV 22 SEJARAH TERMETRI DENGAN PERLANTIKAN PM 10 YANG BAKAL MENGHURAI KEBUNTUAN POLITIK NEGARA. DATO SERI ANWAR SENDIRI ADALAH SATU INSTITUSI YANG MEMPUNYAI KOREKTOR NATIONAL MAMPU MEMBAWA SEMUA KELOMPOK MASYARAKAT YANG DAHAGAKAN SATU KEHIDUPAN YANG HARMONI DAN SEJAHTERA. KARISMA BELIAU MAMPU MERAKYATKAN KEPIMPINAN. KEBIJAKSANAAN BELIAU MEMBINA KESEPAKATAN ANTARA PARTI SEHINGGA MENCAPAI LEBIH 2/3.

SOSOK PEMIMPIN INI CUKUP KONTROVERSI. DIPALIT DENGAN PELBAGAI TUDUHAN SEBELUM INI OLEH KERAJAAN YANG LEPAS. BERBAGAI CARA DAN STRATEGI DIRANGKA UNTUK MENGHALANG KEMARAAN BELIAU DALAM PENTAS POLITIK DI MALAYSIA SEJAK SEPTEMBER 1998 SELEPAS DIPECAT TIMBALAN PERDANA MENTERI. BUKAN SEDIKIT USAHA UNTUK MEMBUNUH BELIAU DAN KARIERNYA MELALUI PROSES UNDANG-UNDANG DAN SERANGAN SERTA TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS.

NAMUN KEKENTALAN JIWA DAN KESUNGGUHAN BELIAU UNTUK MENYELAMATKAN NEGARA DARI KETIRISAN KUASA, PENYELEWENGAN HASIL MAHSUL SERTA RASUAH TELAH MENEMUI JALAN PENYELESAIAN APABILA BELIAU DIBERI MANDAT UNTUK MENDUDUKI POSISI NOMBOR SATU NEGARA DAN MEMBAIKI SEGALA KEPINCANGAN SETERUSNYA MEMICU NEGARA YANG GEMILANG SERTA DIHORMATI. PENGAMPUNAN MUTLAK MEMBUKTIKAN BELIAU TIDAK PERNAH BERSALAH DAN MENJADI MANGSA KONSPIRASI

PENGAMPUNAN TANPA SYARAT TOKOH REFORMASI INI TELAH MENIMBULKAN SATU FENOMENA YANG TIDAK PERNAH DI JANGKA. BAK KATA JENERAL SUDIRMAN "JIKA INGIN MENANG, KENA KUAT. JIKA INGIN KUAT, KENA BERSATU. JIKA INGIN BERSATU...SUBURKAN SILATURRAHIM. MAKA ANTARA FAKTUR UTAMA KEMENANGAN PAKATAN HARAPAN DALAM PRU 15 ADALAH KERANA MEREKA BEKERJA BERJEMAAH SERTA BERGANDING BAHU.

**"MIRACLES DON'T JUST HAPPEN; PEOPLE MAKE THEM HAPPEN.
IF YOU NEED A MIRACLE, BE A MIRACLE."**

SEM. MALAYSIA RM 35.00
SABAH/SARAWAK RM 37.00

ISBN-978-967-2446-47-7




9 789672 446477

BUKU KE - 171



 casamas

TERBITAN:
CASAMAS RESOURCES
www.casamasresources.my

 mejarqayyum